


**KEBERKESANAN LANGKAH-LANGKAH MITIGASI DALAM PENILAIAN IMPAK ALAM SEKITAR
(EIA) UNTUK AKTIVITI PEMROSESAN PETROLEUM DAN GAS ASLI DI BINTULU**

ROSMAH BINTI IBRAHIM



**PROGRAM SAINS SEKITARAN
FAKULTI SAINS DAN SUMBER ALAM
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2014



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Laporan data pengawasan atau data pemantauan (pasca EIA) boleh digunakan untuk menentukan keberkesanan langkah mitigasi dalam EIA. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan keberkesanan langkah mitigasi dengan menganalisis laporan data pemantauan dengan garis dasar dan piawai Jabatan Alam Sekitar dengan menggunakan data pemantauan untuk aktiviti petroleum dan gas asli di Bintulu, Sarawak. Nilai sisihan antara nilai garis dasar dan nilai data pemantauan digunakan untuk menentukan keberkesanan langkah mitigasi dengan menukar nilai perpuluhan sisihan ke peratusan sisihan. Peratusan sisihan dibahagikan kepada skala untuk menentukan keberkesanan langkah mitigasi. Hal ini kerana data pemantauan yang melebihi had garis dasar dapat menunjukkan keberkesanan langkah mitigasi yang diusulkan dalam EIA untuk menebat impak ke atas alam sekitar. Kajian menunjukkan kedua-dua Loji A dan Loji B yang dikaji data pemantauannya mempunyai langkah mitigasi yang berkesan dalam mengawal dan mencegah pencemaran terhadap alam sekitar secara umumnya.